



SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

MAKLUMAT WAKIL DAN SKIM KHAIRAT KEMATIAN (SKK)

A. MAKLUMAT WAKIL

1. **S:** Apakah tujuan maklumat wakil diisi oleh pemohon BKM 2022?

- J: i. Waris bagi tuntutan Skim Khairat Kematian (SKK) jika pemohon / pasangan BKM 2022 telah meninggal dunia; atau
ii. Wakil bagi penunaian BKM 2022

2. **S:** Siapakah wakil yang layak didaftarkan semasa Permohonan BKM 2022?

- J: Wakil yang layak didaftarkan semasa Permohonan BKM 2022 adalah seperti berikut:
- i. Pasangan
 - ii. Ibu
 - iii. Bapa
 - iv. Anak
 - Anak Kandung
 - Anak Tiri
 - Anak Angkat
 - v. Adik-Beradik
 - vi. Cucu

3. **S:** Siapakah wakil yang dibenarkan atau layak untuk membuat tuntutan SKK / penunaian BKM 2022?

- J: SKK layak dituntut oleh wakil berdaftar sekiranya permohonan BKM 2022 berstatus lulus dan pemohon atau pasangan warganegara meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022. Wakil yang layak adalah:
- i. Pemohon sekiranya pasangan warganegara meninggal dunia;
 - ii. Pasangan yang didaftarkan oleh pemohon di Bahagian B (Maklumat Pasangan) pada Borang BKM 2022; atau
 - iii. Wakil yang didaftarkan oleh pemohon di Bahagian D (Maklumat Wakil) pada Borang BK-01 (Borang Permohonan BKM 2022) dan mestilah terdiri daripada hubungan seperti jawapan soalan 2.
- Walau bagaimanapun, keutamaan tuntutan SKK adalah kepada pemohon / pasangan. Dokumen pembuktian tambahan seperti dalam **Jawapan 13. iv.** diperlukan sekiranya pemohon / pasangan tidak dapat hadir membuat tuntutan SKK.

4. S: Berapakah had umur untuk melayakkan seseorang menjadi wakil?

J: Tiada had umur kelayakan seseorang untuk menjadi wakil kepada pemohon BKM 2022. Walau bagaimanapun, bagi wakil yang berusia 17 tahun ke bawah, dokumen pengenalan diri, dokumen pertalian seperti jawapan soalan 2 dan cap jari / tandatangan individu yang hadir bersama wakil perlu diperolehi. Individu yang hadir bersama wakil mesti juga mempunyai pertalian dengan wakil di bawah umur berkenaan. Bukti pertalian dengan wakil mesti dikemukakan kepada pihak bank.

5. S: Saya bukan warganegara Malaysia tetapi menetap di Malaysia, adakah saya layak didaftarkan sebagai wakil?

J: Ya, jika anda bukan warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia, anda layak menjadi wakil sekiranya hubungan anda dan pemohon adalah terdiri daripada Pasangan / Ibu / Bapa / Anak / Adik-Beradik / Cucu yang menetap di Malaysia.

B. SKIM KHAIRAT KEMATIAN (SKK)

6. S: Siapakah yang layak menerima Skim Khairat Kematian (SKK)?

J: Bagi pelaksanaan BKM 2022, kelayakan SKK BKM 2022 adalah bergantung kepada tarikh kematian dan kelulusan BKM 2022 kategori seperti berikut:

Bil.	Kategori	Individu Meninggal Dunia	Tarikh Kematian	Kelulusan BKM 2022
1.	Kahwin	Pemohon	01 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022	Lulus BKM 2022
		Pasangan (Warganegara Malaysia)		
2.	Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak	Pemohon		
3.	Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan	Pemohon		

7. S: Bilakah tarikh kematian untuk melayakkan SKK dan bilakah tarikh tuntutan SKK BKM 2022?

J: Pembayaran SKK adalah secara tunai dan boleh dituntut di mana-mana Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan tarikh tuntutan adalah seperti di bawah:

Bil.	Tarikh Kematian	Tarikh Tuntutan
1.	01 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022	Mulai 15 April 2022

8. S: Berapakah jumlah SKK BKM 2022 yang akan diterima?

J: Jumlah SKK BKM 2022 yang akan diterima oleh wakil sebanyak RM1,000 bagi setiap individu yang layak.

9. S: Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh wakil semasa tuntutan SKK di BSN?

J: Dokumen yang perlu dibawa oleh wakil yang didaftarkan adalah:
i. Sijil Kematian (asal / salinan) Pemohon / Pasangan; dan
ii. Kad Pengenalan asal Wakil; dan
iii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil (asal / salinan) seperti berikut:

Bil.	Hubungan Wakil	Dokumen Pengesahan Pertalian
1.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; ATAU b. Sijil Lahir Anak
2.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran Pemohon
3.	Anak	Sijil Kelahiran Wakil (Anak)
4.	Anak Angkat	a. Sijil Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN; ATAU b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada Sijil Anak Angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Wakil (Anak Tiri); DAN b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik-Beradik	a. Sijil Kelahiran Pemohon; DAN b. Sijil Kelahiran Wakil
7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Wakil (Cucu); DAN b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Wakil

10. S: Saya sebagai wakil yang berdaftar telah membuat tuntutan SKK bagi pemohon / pasangan yang telah meninggal dunia. Adakah saya layak menerima baki amaun kelulusan BKM 2022?

J: Ya, anda sebagai wakil yang didaftarkan layak untuk menerima baki amaun kelulusan BKM 2022 bagi pemohon / pasangan yang telah meninggal dunia. Tuntutan baki amaun kelulusan BKM 2022 adalah secara berfasa mengikut Jadual Fasa Pembayaran sedia ada.

11. S: Sekiranya saya telah membuat tuntutan SKK, bagaimanakah kaedah pembayaran bagi baki amaun kelulusan BKM 2022?

J: Kaedah pembayaran adalah tertakluk kepada penerima bayaran BKM 2022 di mana sekiranya kematian berlaku ke atas pemohon / pasangan dan pembayaran BKM adalah secara kredit ke akaun, maka tuntutan fasa seterusnya oleh wakil adalah secara tunai. Tarikh fasa pembayaran boleh disemak dari semasa ke semasa melalui Portal Rasmi BKM 2022.

C. PENUNAIAAN BKM 2022

12. S: Bilakah tarikh penunaian BKM 2022 boleh dibuat?

J: Tarikh penunaian BKM 2022 oleh pemohon / wakil adalah mulai **30 Mac 2022** di mana-mana Cawangan BSN dan penunaian dibuat mengikut Fasa Pembayaran BKM 2022 berdasarkan kelulusan Permohonan BKM 2022.

13. S: Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh wakil semasa penunaian BKM 2022 di BSN?

J: Dokumen yang perlu dibawa oleh wakil yang didaftarkan adalah:

- i. Kad Pengenalan baharu (asal atau salinan) pemohon; dan
- ii. Kad Pengenalan asal wakil; dan
- iii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil (asal atau salinan) [rujuk Jawapan bagi Soalan 9(iii)]; dan
- iv. Dokumen tambahan mengikut situasi pemohon yang tidak hadir untuk penunaian:
 - a. Surat Pengesahan Penjara / Pusat Serenti (salinan atau asal) jika pemohon berada di penjara atau Pusat Serenti; atau
 - Tempoh masa Surat Pengesahan:
 - Terdapat paparan tarikh masuk dan keluar penjara; atau
 - Sekiranya tiada tarikh masuk keluar penjara, Surat Pengesahan Penjara yang dikeluarkan berkenaan mesti bertarikh tahun semasa (tahun 2022).
 - b. Surat pengesahan majikan dan tarikh mula dan tamat bertugas pemohon yang menunjukkan bukti pemohon berada di luar negara; atau
 - c. Surat pengesahan hospital jika pemohon menerima rawatan di hospital; atau
 - d. Surat pengesahan yang menunjukkan pemohon uzur atau tidak berdaya untuk bergerak; atau
 - e. Kad Orang Kurang Upaya (OKU).

14. S: Bolehkah saya mewakilkan penunaian BKM 2022 bagi pemohon yang menghilangkan diri?

J: Wakil yang didaftarkan boleh mewakilkan penunaian dengan mengemukakan:

- i. Dokumen yang membuktikan pemohon hilang seperti Laporan Polis, Akuan Sumpah atau sebarang dokumen yang boleh membuktikan mengenai status pemohon yang hilang (tarikh dokumen pembuktian pemohon hilang yang diterima pakai adalah tidak melebihi dari 1 tahun); dan
- ii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil [rujuk Jawapan bagi Soalan 9(iii)].

15. S: Bolehkah saya mewakilkan penunaian BKM 2022 bagi pemohon yang bekerja / belajar / menetap / dipenjarakan / meninggal dunia di luar negara semasa tempoh pembayaran?

J: Tidak. Bagi individu yang bekerja / belajar / menetap / dipenjarakan / meninggal dunia di luar negara tidak layak untuk menerima BKM 2022.

16. S: Saya telah didaftarkan sebagai wakil pada Permohonan BKM pasangan saya. Adakah saya boleh hadir ke BSN bagi tujuan penunaian bayaran BKM 2022 pasangan saya?

J: Boleh. Wakil yang didaftarkan perlu hadir ke BSN dengan membawa dokumen sokongan yang berkaitan seperti di **Soalan 9 iii.** sebagai pembuktian pertalian antara wakil dan pemohon serta dokumen sokongan tambahan seperti di **Soalan 13 iv.** sebagai pembuktian pemohon tidak dapat hadir untuk penunaian di BSN.

D. KEMAS KINI WAKIL

17. S: Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya maklumat wakil (nama / No. Pengenalan) yang telah didaftarkan salah semasa tuntutan SKK di BSN?

J: Sekiranya terdapat perbezaan nama tetapi No. Pengenalan wakil yang didaftarkan adalah betul, penunaian boleh dilakukan di BSN. Akan tetapi sekiranya No. Pengenalan wakil yang didaftarkan salah, anda perlu hadir ke LHDNM beserta Borang Kegagalan Tuntutan Bantuan Keluarga Malaysia / SKK yang dikeluarkan oleh BSN untuk tindakan selanjutnya.

18. S: Saya telah didaftarkan sebagai Wakil bagi Permohonan BKM ayah saya. Semasa permohonan, saya telah didaftarkan sebagai Cucu. Adakah saya boleh membuat tuntutan SKK / Penunaian BKM 2022 di BSN kerana hubungan yang didaftarkan tidak tepat?

J: Sekiranya terdapat perbezaan hubungan di antara pemohon dan wakil yang didaftarkan, penunaian boleh dilakukan di BSN dengan syarat dokumen sokongan yang perlu dibawa dan hubungan wakil adalah seperti yang telah ditetapkan (rujuk Jawapan bagi Soalan 2).

19. S: Saya telah lulus BKM 2022, tetapi wakil yang saya daftarkan pada Permohonan BKM 2022 telah meninggal dunia. Adakah saya boleh menukar maklumat wakil berkenaan?

J: Ya. Anda boleh menukarkan wakil yang baharu dan tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Anda perlu mengisi Borang Kemas Kini Maklumat Wakil (BK-02) dan kemukakan ke LHDNM yang berhampiran; atau
- ii. Kemas kini maklumat wakil secara dalam talian (MyBKM) dalam tempoh tertentu yang akan dimaklumkan kelak – klik menu Kemas Kini Maklumat Asas (sistem hanya dibuka pada tempoh berkenaan sahaja).

Hubungan wakil baharu yang dibenarkan adalah terhad kepada Pasangan / Ibu / Bapa / Anak / Adik-Beradik / Cucu kepada pemohon (rujuk Jawapan bagi Soalan 2).

20. S: Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya pemohon / pasangan telah meninggal dunia dan wakil asal yang didaftarkan tidak boleh menuntut SKK BKM 2022 bagi pihak pemohon kerana mempunyai masalah kesihatan / hubungan / berada di luar negara?

J: Wakil asal yang masih hidup perlu memberi keizinan pertukaran kepada wakil baharu. Wakil baharu boleh membuat kemas kini maklumat wakil dengan mengemukakan surat keizinan pertukaran wakil daripada wakil asal. Hubungan wakil baharu yang dibenarkan adalah terhad kepada Pasangan / Ibu / Bapa / Anak / Adik-Beradik / Cucu kepada pemohon (rujuk Jawapan bagi Soalan 2).

21. S: Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan tidak mendaftarkan wakil, siapakah wakil yang layak didaftarkan sebagai wakil?

J: Wakil yang layak didaftarkan terhad kepada Pasangan / Anak yang wujud pada Bahagian B / C Borang Permohonan BKM 2022 sahaja.